

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
23 NOV 1988

DEMOKRASI

DAN

DIKTATOR

(Sepanjang Sejarah Malaysia)

karya

Amaluddin Darus



Penerbitan

SYARIKAT ABAD

Subang Jaya.

Dicetak oleh:
PENERBITAN SERI KOTA
No. 23, Jalan Radin Anum 1,
Bandar Baru Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.
Tel:03-9581682 & 9581685

477230
APB

321.5-27
RDK

-7 JAN 1999

Perpustakaan Negara
Malaysia

DEMOKRASI DAN DIKTATOR
(Sepanjang Sejarah Malaysia)

Diterbit oleh:

Syarikat Abad,

28, Jalan SS 14/1B, Subang Jaya,
47500 Petaling Jaya.

© Amaluddin B. Darus,

ISBN-967-9944-16-6

Cetakan pertama 1988

Mana-mana bahagian daripada buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dengan menggunakan alat apa pun jua, tanpa izin pemegang hak ciptanya.

Dicetak oleh:

KANDUNGAN

BAB		HALAMAN
—	Penjelasan Mengenai Ejaan	5
—	Pengenalan	6
1	Pengenalan Xilmu Politik	10
2	Apakah Demokrasi Itu?	17
3	Beberapa Konsep Demokrasi	21
4	Apakah Diktator Itu	25
5	Kita Dan Demokrasi Sebelum Dijajah	30
6	Kita Sesudah Dijajah	33
7	Warisan Penjajah Inggeris	37
8	Akhbar Dan Kebebasannya	42
9	Demokrasi Cara Komunis	46
10	Perlukah Demokrasi Dan Diktator Itu	50
11	Perangai Manusia Bumi	54
12	Jika Taqdir Sudah Ditentukan	62
	Madah Penutup	69

PENJELASAN MENGENAI EJAAN

Di bawah ini adalah contoh alfabet yang digunakan. Keterangan mengenainya telah dibuat menerusi buku A020 dan A021, kerana itu kami tidak ulangi lagi di sini.

alif	= a	tha	= th	bunyinya (ع)
ba	= b	zha	= zh	
ta	= t	'aain	= x	
tsa	= ts	ghain	= gh	
jim	= j	fa	= f	
ha	= h	qaf	= q	
kha	= kh	kaf	= k	
dal	= d	lam	= l	
dzal	= dz	mim	= m	
ra	= r	nun	= n	
zai	= z	wau	= w	
sin	= s	ha	= h	
syin	= sy	hamzah	= k	
shad	= sh	ya	= y	
dhad	= dh			
aa	= aa bunyi panjang, contoh: Aadam			
ii	= ii bunyi panjang, contoh: Aamiin			

PENGENALAN

Persoalan yang saya kemukakan melalui judul buku ini ialah suatu perkara yang mengenai seluruh manusia di mana sahaja mereka berada di planet Bumi ini, termasuklah kita yang berada di Malaysia.

Dalam membicarakan perkara yang berhubungan dengan demokrasi di satu pihak dan diktator di satu pihak lagi, ada kalanya boleh mengelirukan orang-orang yang tidak cukup pengetahuan mengenai politik. Justeru kerana apa yang disebut demokrasi pada masa ini sudah pun berjalan songsang, disebabkan akhir-akhir ini pemerintahan cara diktator komunis pun telah dianggap satu jenis demokrasi jua, sehingga hampir-hampir tidak ada lagi negara-negara sosialis dan komunis yang dikatakan pemerintahan kuku besi dan sebagainya.

Segala yang dikemukakan melalui buku ini sudah tentulah dimaksudkan juga kepada persoalan yang sedang menjadi tanda tanya di kalangan kita di Malaysia, iaitu adakah kita akan kehilangan demokrasi yang baru sahaja

kita cuba hendak menixmatinya atau kita akan memasuki era kediktatoran yang merupakan lawan kepada apa yang dikatakan demokrasi yang sebenarnya.

Pada detik-detik yang dikatakan oleh sebahagian orang bahawa demokrasi telah mati di Malaysia, dan diktator sudah menjelma, kebanyakan raxyat Malaysia dipercayai masih tidak dapat menilai apakah itu demokrasi dan apakah pula yang dikata diktator. Oleh yang demikian sudah tentu mereka tidak dapat membezakannya, sekalipun mereka sendiri yang menanggung dan merekalah yang menerima xaqibatnya.

Bagi maksud menjelaskan perkara inilah buku ini ditulis agar supaya raxyat dapat memahaminya kerana merekalah yang akan dibebankan dengan segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang dibuat oleh manusia untuk dilaksanakan di dalam sebuah negara.

Adalah diharapkan segala yang dikemukakan menerusi buku ini akan membuka jalan kepada raxyat Malaysia seluruhnya agar mengambil perhatian dan menentukan sikap, kerana sebagai raxyat yang merdeka sepatutnyalah kita semua mempunyai keperibadian yang teguh dan menguasai pengetahuan atau xilmu yang luas sebagai asas kepada kehidupan kemanusiaan yang bebas dari segala perhambaan dan perkosaan sesama sendiri.

Sesuat yang saya tulis di dalam buku ini

adalah juga merupakan perintis kepada apa-apa yang akan mengikutinya. Justeru kerana, apabila kita menolak sesuatu, maka sepatutnya-lah dinyatakan pula apakah gantinya yang lebih baik untuk diterima oleh manusia.

Untuk membicarakan perkara demokrasi dan diktator yang sekarang telah dicampur-aduk oleh manusia, mahu tidak mahu terpaksa saya memulakannya dengan sedikit pengenalan tentang xilmu politik. Oleh kerana apa yang dikatakan corak pemerintahan demokrasi atau diktator itu adalah urusan yang berhubungan dengan xilmu politik yang telah berkembang beberapa lama dan sedang dikembangkan terus-menerus melalui satu cabang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang dipanggil UNESCO.

Di dalam buku kecil ini tidak banyak saya kemukakan persoalan Islam untuk diperbandingkan, kerana saya merasa lebih baik jika perbicaraan sebagai perbandingan dengan Islam ditulis di dalam buku yang berasingan bagi memudahkan anda memahaminya sebagai xilmu politik menurut Islam.

Tidak syak lagi xilmu politik Islam ada perbezaan yang banyak dengan politik yang lain daripadanya, disebabkan sesuatu yang jelas iaitu politik menurut Islam tidak diizinkan mengasingkan perkara pertalian manusia dengan Allah daripada perkara pertalian manusia sesama manusia. Akhir kata, adalah diharapkan dengan buku kecil ini, sekalipun ditulis secara

serba ringkas, namun dipercayai sudah memadai untuk menjadi asas atau dasar kepada pengertian mengenai politik manusia di sekitar demokrasi dan diktator yang sedang berkembang di masa ini.

Amaluddin Darus
Subang Jaya

Muharram 1409
September 1988

BAB 1

PENGENALAN XILMU POLITIK

Politik sememangnya telah merupakan satu cabang daripada xilmu yang mana pada suatu masa ianya diperkenalkan sebagai 'An art and science how to govern' yang bermaksud: Satu seni (kebijaksanaan) dan pengetahuan bagaimana hendak memerintah. Bagaimanapun tafsiran ini berubah-ubah oleh orang-orang yang sering membuat tafsiran terhadapnya. Adapun saya sebagai muslim tentulah berfikir sebagai muslim. Kerana bukanlah muslim namanya sekiranya saya pun mengikut cara pemikiran orang-orang yang menolak sistem hidup seperti yang diatur oleh Tuhan pencipta seluruh manusia. Kerana itu dalam tahun 1968, satu kursus yang berjudul (Menenal Perjuangan) telah saya lancarkan di beberapa negeri untuk ahli-ahli partai. Di dalam kursus itu, telah ditegaskan bahawa tafsiran xilmu politik menurut falsafah Barat yang berbunyi 'Satu seni dan pengetahuan bagaimana hendak memerintah' hendaklah dibalikkan menjadi 'Satu pengetahuan dan seni

kebijaksanaan) bagaimana hendak memerintah'.
Kursus lengkap saya boleh diikuti di dalam buku
Intisan Politik Malaysia'.

Sesungguhnya bagi kita sebagai muslim dalam
mengekaji dan menghayati xilmu ini, pengetahu-
an adalah sangat diutamakan. Adapun pengeta-
huan itu, sumbernya ialah kitab Allah yang ber-
nama Quran, yang juga digelar sebagai
AL-URQAN. Maka berdasar kepada panduan
kitab Allah itulah kita bertolak ke gelanggang
politik dengan menggunakan seni kebijaksanaan
bagi mengatur dan mengurus segala sesuatu yang
mengeuai urusan yang berhubung dengan
Allah dan yang berhubung dengan manusia.

Dalam persoalan ini, dengan sangat malang-
nya, oleh kerana kita berada di suatu zaman
yang hampir segala-galanya telah diatur dan di-
endalikan oleh manusia keturunan Yahudi
dan Kristian, maka sebelum daripada saya
ergi lebih jauh di dalam bidang ini, perlu
ekali kita saling ingat mengingatkan dengan
peringatan daripada Allah, iaitu yang ber-
maksud:

- a) Wahai orang-orang beriman, sekiranya
kamu mentaxati sebahagian daripada
mereka yang diberi kitab, nanti diputar
kamu semua menjadi kafir semula se-
sudah kamu beriman'. Q-3:100
- b) 'Orang-orang Yahudi dan Kristian itu
tidak akan rela kepada kamu sehingga
kamu mengikuti cara hidup mereka . . . '

Q-2:120

Demikian Allah telah mengingatkan kita dengan sebaik-baik peringatan melalui kitab-Nya, al Quran, agar supaya orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat senantiasa waspada dengan tindak tanduk orang kafir sekalipun mereka dari keturunan ahli kitab yang dahulu dikatakan melalui Quran bahawa ahli kitab itu ialah orang-orang yang memikul Taurat dan Injil. Adapun sekarang keturunan ahli kitab itu ialah yang memikul Taurat, Injil dan Quran.

Bagi pengawalan ancaman (a) di atas, dengan tegas dijelaskan pula oleh Allah dengan satu pernyataan untuk diperhatikan sungguh-sungguh oleh siapa sahaja yang maseh beriman kepada Allah:

'Bagaimana kamu boleh menjadi kafir, padahal dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu, dan bersama-sama kamu ada rasulNya. Barangsiapa berpegang teguh dengan Allah, maka sesungguhnya akan dipimpin kepada jalan yang lurus'.
Q-3:101

Sebagai peringatan kepada ancaman (b) yang merupakan tipu daya manusia keturunan Yahudi dan Kristian yang di antaranya melalui ahli-ahli akademi di samping kuasa politik dan ekonomi mereka itu, Allah mengingatkan lagi kepada kita dengan satu peringatan:

' . . . Katakanlah! Sesungguhnya petunjuk

Allah, ialah sebenar-benar petunjuk. Jika kamu turut hawa nafsu mereka (Yahudi dan Kristian) sesudah datang kepada kamu xilmu (Quran dan sunnah rasulNya) tidak adalah sebarang perlindungan (wali) dan sebarang pertolongan (nashir) daripada Allah.' (Sambungan ayat) Q-2:120

Xilmu politik moden yang telah tersebar luas oleh orang-orang Yahudi dan Kristian di bawah pengaruh gerakan sulit Yahudi sehingga ke akhir abad ke 19 dan seterusnya melalui berbagai falsafah yang dilahirkan oleh berbagai orang yang telah mengasingkan kuasa gereja daripada politik, semuanya itu sudah tentu tidak dapat dijadikan ikutan kita sebagai muslimin. Sekiranya kita benar-benar percaya kepada Allah dan hari akhirat.

Politik manusia di akhir abad ke 19 telah jauh meninggalkan apa yang dikatakan politik kuno oleh kemajuan teknologi di abad ke 20 ini. Kerana itu saya juga tidak mahu membicarakannya lagi semuanya, sekalipun memang ada sejarah yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah seperti Herodotus, dan yang dibincangkan oleh ahli-ahli falsafah seperti Plato, Aristotle dan lain-lain lagi.

Sehingga akhir abad ke 19, perkembangan xilmu politik di Barat sudahpun sampai ke puncaknya. Bagaimanapun, perkembangannya sentiasa seiring dan berdamping dengan xilmu-xilmu sosial yang lain seperti sosiologi, anthro-

pologi dan psikologi yang mana dalam sejarah nya saling pengaruh mempengaruhi antara satu dengan yang lain. Bahkan xilmu ekonomi yang dulunya dianggap xilmu yang tersendiri pada sekarang telah digandingkan dengan xilmu politik sebagai suatu yang tidak dapat dipisahkan.

Hasil dari perkembangan di akhir abad ke 19 itu, kesannya dirasakan oleh kita kerana pengaruhnya telah menjalar ke negara kita bermula dari penjajahan Inggeris. Xilmu itu terus juga berkembang, tetapi berpecah dua secara kasar nya, iaitu telah melahirkan politik blok barat dan blok timur.

Di dorong oleh tidak adanya persamaan atau keseragaman dalam terminologi (penggunaan mengenai istilah) dalam xilmu politik maka UNESCO telah mengatur satu kajian atau survey tentang kedudukan xilmu politik di dalam 30 negara pada tahun 1948. Hasil dari projek yang dipimpin oleh W. Ebenstein dari Princeton Universiti Amerika Syarikat, telah dibincangkan oleh beberapa pakar di Paris yang daripadanya telah melahirkan sebuah buku iaitu *Contemporary Political Science* (1948) yang bermaksud sains politik yang dituju menuruti masa.

Selanjutnya UNESCO bersama international Political Science Association (IPSA) yang ditubuhkan dalam tahun 1949 mengusahakan pula satu penelitian secara mendalam yang

disertai oleh 10 negara, di antaranya selain daripada negara-negara besar Barat, ikut juga India, Meksiko dan Poland.

Dalam tahun 1952, lapuran-lapuran kajian ini telah dibahaskan dalam satu persidangan di Cambridge, England, dan hasilnya disusun oleh W.A. Robson dari London School of Economics and Political Science dalam buku *The University Teaching of Social Science: Political Science*. Paris: UNESCO 1954—W.A. Robson.

Sejak selepas perang besar di pertengahan abad ke 20 telah banyak sekali buku-buku yang mengenai sains politik yang telah tersebar luas hasil pemikiran orang-orang sekular baik dari Barat mahupun dari Timur. Saya sengaja tidak mahu menyebut nama-nama buku dan penulis-penulisnya di sini kerana maksud penulisan ini ditujukan kepada pelaksanaan demokrasi dan diktator dalam bentuk politik moden yang berperlembagaan dan berparlimen.

Buku-buku ini semua merupakan rangkaian buku-buku terbitan UNESCO yang mengenai pelajaran beberapa ilmu sosial termasuk ekonomi, anthropologi, kebudayaan dan kriminologi (ilmu tentang kriminal) untuk perguruan tinggi. Dengan tersebarnya buku-buku terbitan UNESCO, dan buku-buku ini semua dipelajari pula di pusat-pusat pengajian tinggi, maka trend politik manusia ternyata telah dan sedang diatur atau dibentuk oleh UNO atau PBB menurut kemahuan mereka yang ber-

sembunyi di baliktabir.

Manusia yang dikatakan terpelajar pada masa ini di mana-mana sahaja, telah dibentuk fikir-an mereka menurut acuan dari UNESCO, maka dalam perkembangan politik yang dikuasai oleh orang-orang sekular inilah yang telah melahirkan apa yang dikatakan demokrasi dan diktator yang akan kita bicarakan seterusnya menerusi buku ini.

BAB 2

APAKAH DEMOKRASI ITU?

Demokrasi adalah sepatah perkataan yang begitu enak didengar dalam kamus orang-orang politik sejak ribuan tahun hingga sekarang.

Pengertiannya seperti yang selalu dijelaskan iaitu penubuhan sebuah kerajaan berdasar kepada pengakuan kedaulatan rakyat, di mana rakyatlah yang memerintah dan membuat sebarang keputusan sama-ada secara langsung atau secara tidak langsung.

Perkataan demokrasi yang dipinjam dari bahasa Inggeris (democracy) adalah berasal daripada perkataan bahasa Griik atau bahasa Latin yang menggabungkan dua perkataan iaitu 'DEMOS' bermakna RAKYAT dan 'KRATIA atau KRATOS' yang bermakna KUASA

Pemerintahan demokrasi adalah didasarkan atas keyakinan bahawa semua manusia adalah anggota masyarakat yang dilahirkan bebas dan semuanya mempunyai hak yang sama. Demok-

si yang berteras kepada kedaulatan raxyat mengakui hak bersama dalam menyatakan pendapat.

Oleh kerana itu ada orang yang berkata bahawa di dalam demokrasi suara raxyat hendaklah didengar, dan pendapat raxyat sekali-kali dari golongan minoriti perlu sekali diormati.

Demokrasi yang mengakui hak raxyat untuk bersuara, menentukan setiap orang yang dewasa dalam masyarakat berhak pula memilih dengan mengundi secara bebas dan rahsia untuk menentukan parlimen dan kerajaan.

Sesuatu yang diberi nilai dalam demokrasi ialah ia menghormati segala pendapat-pendapat tanpa mengira pendapat itu datang dari golongan yang bagaimana kecil di dalam masyarakat.

Nilai-nilai inilah menyebabkan telah dibuat kesimpulan oleh pakar-pakar xilmu politik bahawa politik menurut demokrasi melahirkan sebuah kerajaan dari raxyat, oleh raxyat dan untuk raxyat.

Apabila yang dikatakan politik demokrasi itu begitu rupanya, maka itulah sebabnya demokrasi itu berbeda sekali dengan apa yang dikatakan diktator.

Sebuah negara yang mengxamalkan demokrasi, biasanya ialah negara yang berperlembagaan. Perlembagaan diadakan secara bertulis dengan memperuntukkan berbagai-bagai per-

peruntukkan mengenai hak-hak dan pembahagian kuasa dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran sebuah negara.

Perlembagaan bertulis telah diperbuat oleh manusia setelah mereka melalui pengalaman-pengalaman yang pahit apabila orang-orang yang diberi kuasa oleh rakyat telah menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa itu sewenang-wenangnya. Dengan adanya perlembagaan yang bertulis, orang-orang yang memerintah tidak dibolehkan melakukan sesuatu yang melanggar peruntukkan-peruntukkan yang tertulis di dalam perlembagaan itu.

Demikianlah yang telah berlaku di Eropah sejak abad ke 19, hampir keseluruhan negara-negara di sana mempunyai perlembagaan bertulis, kecuali negara orang-orang Inggeris yang dikatakan ada perlembagaan, tetapi ia adalah satu perlembagaan yang tidak bertulis.

Sungguhpun begitu, banyak negara-negara di planet Bumi, sekalipun ada mempunyai perlembagaan bertulis, namun oleh keghairahan manusia yang mabuk kuasa, banyak pula dilakukan pindaan demi pindaan terhadap perlembagaan negara mereka bagi menghalalkan mereka membuat atau meminda undang-undang atau akta-akta di dalam negara mereka.)

Malaysia adalah di antara negara yang telah terlalu banyak kali membuat pindaan kepada perlembagaan sejak merdeka pada tahun 1957. Problem yang dihadapi oleh Malaysia dengan

terlalu kerap meminda perlembagaan, kemudian diikuti dengan pindaan akta-akta sebenarnya tidaklah membawa kepada suasana yang kian jernih, malah sebaliknya iaitu menjadikan suasana bertambah keruh.

Kekeruhan akan terus berlaku kerana manusia yang menyusun perlembagaan dan yang meminda perlembagaan itu tidak pernah meletak diri mereka di bawah Tuhan mereka, sebaliknya mereka membuat segala yang mereka mahu seolah-olah mereka berada lebih tinggi daripada Tuhan.

Dalam abad kedua puluh ini, negara-negara komunis pun masing-masing mempunyai perlembagaan yang bertulis, maka kerana itu mereka pun menepok dada lalu mengatakan bahawa mereka juga adalah negara demokrasi.

BAB 3

BEBERAPA KONSEP DEMOKRASI

Sepanjang yang mengenai demokrasi itu, dalam pelaksanaan yang sedang berlaku di kalangan bangsa-bangsa manusia di planet Bumi ini, telah dikenali dengan berbagai-bagai istilah demokrasi.

Di antara demokrasi itu ada yang diberi nama demokrasi beraja yang berperlembagaan iaitu di negara-negara yang masih beraja maka dikatakan: Raja bertakhta, kerajaan memerintah. Malaysia adalah sebuah negara beraja yang berperlembagaan.

Di antara demokrasi itu juga dikenali sebagai demokrasi terbatas, demokrasi terpimpin, demokrasi nasional, demokrasi rakyat dan bermacam-macam lagi yang ditokok tambah kepada perkataan demokrasi itu.

Beberapa tahun sesudah perang besar di planet Bumi, UNESCO, satu cabang dari UNO yang banyak memainkan peranan dalam per-

kembangan fikiran mengenai politik dan sosial manusia telah membuat satu rumusan:

'Probably for the first time in history 'democracy' is claimed as the proper ideal description of all systems of political and social organizations advocated by influential proponents.'

Maksud:

'Mungkin untuk pertama kali dalam sejarah 'demokrasi' dinyatakan sebagai nama yang paling baik dan munasabah atau wajar untuk semua sistem organisasi politik dan sosial yang diperjuangkan oleh pendukung-pendukung yang berpengaruh.'

Kenyataan yang diterbitkan oleh UNESCO dalam tahun 1949 dahulu, adalah begitu lunak bunyinya, tetapi ternyata ia adalah menyembunyikan satu pengakuan secara tidak langsung terhadap perkembangan demokrasi dengan istilah-istilah demokrasi yang beraneka rupa sehingga negara-negara yang berfaham komunis yang berteras kepada ajaran Marx-Lenin pun mulai memakai istilah demokrasi juga dengan pengenalan sebagai demokrasi rakyat yang tulen.

Pengakuan UNESCO dalam tahun 1949 itu pada hakikatnya adalah satu jarum halus yang mengixtiraf bahawa komunis juga adalah satu cabang daripada yang dikatakan demokrasi. Dengan demikian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu secara halus mengakui adanya dua kelompok fikiran manusia yang paling penting

dalam perkembangan fikiran manusia, iaitu demokrasi ala kapitalis dan demokrasi ala komunis.

Ada pun Malaysia sebagai sebuah negara beraja adalah dikatakan sebuah negara demokrasi dengan raja yang berperlembagaan di mana pembahagian kekuasaan telah pun ditentukan semuanya di dalam perlembagaan yang dibuat dalam tahun 1957 sebelum merdeka.

Kedua-dua aliran fahaman yang dikatakan merupakan dua kelompok demokrasi ini adalah berasal dari Barat belaka yang apabila kita kaji dari segala sudut sejarah perkembangannya sejak beberapa ratus tahun yang lalu terutama perkembangan-perkembangan fikiran dalam abad yang kedelapan belas dan kesembilan belas, maka akan ternyatalah semua fikiran-fikiran ini telah tercetus dari otak-otak Yahudi dan orang-orang yang telah termasuk ke dalam perangkap gerakan sulit Yahudi antarabangsa.

Begitulah prinsip-prinsip bertopengkan demokrasi terus menerus menjadi mainan dari gerakan Yahudi, kerananya kalau pada peringkat permulaan negara-negara komunis telah memperkenalkan dirinya sebagai negara-negara sosialis seperti Russia, tetapi sekarang selepas tahun-tahun lima puluhan negara-negara komunis yang baru ditubuh dengan lantang mengenalkan diri mereka sebagai negara demokrasi, di sebalik dulunya memakai nama sosialis seperti Russia yang merupakan negara komunis yang pertama.

Anda boleh memerhati sendiri bagaimana negara-negara yang berdasarkan kepada ajaran Marx-Lenin telah menggunakan nama demokrasi di mana-mana sahaja iaitu seperti Republik Demokratik Raxyat Korea (utara), Republik Demokratik Yaman (Yaman Selatan), Republik Demokratik Afghanistan, Republik Demokratik Raxyat Khmer (Kampuchea) dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya di dalam masyarakat manusia yang telah runtuh moral dan kehilangan akhlak yang mulia maka pembohongan adalah satu senjata yang paling banyak digunakan di dalam dan di kalangan ahli-ahli politik yang menjunjung kebendaan. Pembohongan ini memang boleh menipu banyak orang, sekalipun tidak dapat menipu semua orang.

Bagaimanapun, apakah anda menerimanya atau tidak menerimanya, nama demokrasi telah pun ditempel kepada negara-negara komunis dari blok Russia dan Cina, dan PBB atau UNO melalui UNESCO telah mengakui bahawa demokrasi itu beranika rupa dan warna.

UNESCO sebagai satu cabang dari UNO atau PBB telah dikuasai oleh blok kiri dalam politik antarabangsa. Oleh sebab itulah apabila Amerika merasa ia sedang dikalahkan, lantas Amerika memberhentikan sumbangan atau yuran-nya kepada UNESCO, lalu diikuti jejaknya oleh Inggeris yang pada masa ini sudah menjadi pengikut setia Amerika Syarikat sejak berperdana Menteri seorang wanita.

BAB 4

APAKAH DIKTATOR ITU?

Diktator dikenal pasti oleh orang sebagai satu pemerintahan yang absolute atau kuasa mutlak seorang, atau pemerintahan segelintir orang dalam sebuah negara yang sanggup berbuat apa saja menurut kemahuannya terhadap rakyat.

Pemerintahan diktator itu boleh berlaku atas nama raja, atau oleh pemberontak yang menentang dan merampas kuasa raja.

Di zaman sekarang, sesudah kebanyakan negara memakai perlembagaan yang bertulis, kadang-kadang dengan mengenakan undang-undang dharurat, pemerintahan demokrasi pun boleh dengan tiba-tiba menjadi diktator atas nama keselamatan negara.

Diktator juga boleh terjadi dan diumumkan untuk satu waktu yang pendek bersifat sementara atau bersifat satu jangka yang panjang

sehingga kuasanya dicabut oleh rakyat yang menentang kediktatoran itu.

Biasanya kediktatoran seperti ini dilaku oleh tentera, atau oleh seorang yang gila kuasa dan ia disokong oleh tentera dan pasukan bersenjata.

Asal perkataan diktator adalah dari bahasa Greek atau Latin iaitu 'DICTARE' lalu dipakai dalam bahasa Inggeris sebagai DICTATOR.

Kalau kita menyorot kebelakang, ke zaman Republik Rumawi (Rome), di mana senetnya yang mengangkat pemimpin besar atau panglima besar, ia akan berkuasa selama enam bulan sahaja untuk memerintah menurut demokrasi yang dixeram di negara purba itu.

Tetapi, sekiranya ada sebarang bahaya yang mengancam keselamatan negara, ia berkuasa sepenuhnya-sehingga mengatasi semua hakim-hakim semasa. Malah ia sendiri yang melantik penolong-penolongnya untuk melaksanakan kuasa kediktatorannya.

Diktator itu boleh jadi seorang diri, boleh jadi sekumpulan orang, dan boleh jadi juga atas nama perwakilan rakyat yang dibentuk menurut tipu dayanya, di mana yang seperti ini dalam abad kedua puluh sekarang dikatakan diktator berparlimen.

Dalam melaksanakan kediktatornya, parlimen tidak boleh menundukkan sang diktator, tetapi diktator itulah yang menundukkan parlimen atau majlis perwakilan rakyat melalui umpan-umpan berupa kebendaan di samping ungutan-

ungutan yang tersembunyi kepada anggota-anggota parlimen dari partai yang memerintah.

Sejarah manusia tidak pernah sunyi daripada lahirnya diktator di mana-mana jua. Oleh kerana itu saya memikirkannya sejak beberapa lama dulu kenapa dan mengapa ada orang-orang yang begitu ingin menjadi diktator agar supaya mudah mereka berbuat sesuka hatinya. Kecenderungan menjadi diktator di kalangan manusia ini pada pendapat saya adalah bersebab dari beberapa perkara yang mendorongnya berbuat begitu. Di antara sebab-sebabnya ialah:

1) Ego sesorang yang merasa dialah orangnya yang paling layak untuk membuat perubahan kepada bangsa dan negaranya.

2) Dia tersepit oleh beberapa kesilapannya sendiri yang ditakuti akan terbongkar nanti, lalu mengambil sikap: Selagi kuasa di tangan ku, aku tidak akan menyerah kalah.

3) Dia terperangkap oleh mainan kuasa-kuasa asing, lalu apabila dia mengambil mereka sebagai tuan, maka mahu tidak mahu dia terpaksa menurut telunjuk kuasa asing, di samping terpaksa tunduk kepada nafsunya sendiri.

4) Dia terlalu ingin kepada perubahan sedang bangsanya termasuk dalam golongan bangsa-bangsa manusia yang maseh lembab dalam bertindak. Padahal dia bercita-cita besar.

Begitulah di antara beberapa sebab yang telah melahirkan diktator-diktator dalam sejarah ma-

usia selama ini. Kita, sebagai satu bangsa besar yang telah dicaing-caingkan oleh penjajah sejak ratusan tahun lamanya kadang-kadang tidak dapat merasa akan kediktatoran itu bila-bila ia bermula.

Daripada apa yang kita ikuti dari sejarah teradanya seorang diktator itu adalah bermula daripada ia membuat kesilapan. Apabila kesilapan itu tidak mahu diakui olehnya dan tidak ada kata kalimah maafkan saya dalam kamusnya, maka pastilah kesilapan itu akan diikuti dengan kesilapan-kesilapan dan kesalahan demi kesalahan yang lain pula, iaitu:

Biasanya seorang yang ingin menjadi diktator akan memulakan kediktatorannya melalui undang-undang yang dibuat untuk dirinya. Pada hal undang-undang dan peraturan-peraturan itu dibuat oleh manusia yang bermasyarakat untuk keperluan masyarakat seluruhnya.

Biasanya diktator itu kerana kepentingannya akan menggunakan tipudaya, tekanan, ugutan dan tindasan sesama manusia. Pada hal manusia adalah hamba-hamba Allah yang semuanya di lahir merdeka.

Biasanya diktator itu tidak pernah mengindahkan kexadilan dan tidak pula memperdulikan peringatan-peringatan Tuhan. Kerana itu berlakulah kezhaliman, yang sudah tentu keburukannya melebihi kebaikan.

Bagaimanapun, biasanya diktator itu lambat laun akan musnah jua. Kebaikannya kalau ada

BAB 7

WARISAN PENJAJAH INGGERIS

Kembalinya penjajahan Inggeris ke negara kita sesudah Jepun menyerah diri, adalah perkembangan dengan penuh kesedaran tentang perubahan yang terpaksa dihadapi kesan daripada peperangan yang baru sahaja ditamatkan.

Seperti sesudah perang besar yang pertama tahun 1914 — 1918, telah ditubuhkan Liga Bangsa-Bangsa, maka begitulah jua sesudah perang besar 1939—1945, telah ditubuhkan pula sebuah badan yang dinamakan United Nations Organisation — UNO, atau pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sebagai mengganti mendiang Liga Bangsa-bangsa yang telah dikebumikan.

Persetujuan yang dicapai pada tanggal 14 Ogos 1941 di antara Presiden Roosevelt dan Perdana Menteri Churchil, tentang dasar-dasar selepas perang yang dibuat di tengah Lautan

Atlantik menurut rancangan Amerika dan Inggeris, lalu dinamakan Atlantik Charter, telah membawa kepada pertemuan selanjutnya di antara W.S Churchill, F.D. Roosevelt dan Stalin di dalam tahun 1945 yang mana hasil daripada inilah telah melahirkan UNO atau PBB yang membawa kepada perubahan politik di planet Bumi.

Oleh itu, sekembalinya Inggeris ke negara kita, ia membawa satu rancangan baru yang dinamakan Malayan Union sebagai langkah awal ke arah menyatukan Malaya dengan Sabah dan Sarawak dengan nama Dominion of South East Asia.

Rancangan Inggeris itu telah ditentang oleh orang-orang Melayu lalu diganti dengan Federation of Malaya sebagai menyurung buah catur sementara menunggu peluang ke arah menyatukan daerah jajahan Inggeris di Asia Tenggara yang kemudiannya dalam tahun 1963 lahir lah Malaysia.

Permainan catur oleh tangan Inggeris ini telah berlaku dengan aman melalui apa yang dikatakan demokrasi ala penjajah Inggeris. Sebenarnya undang-undang yang diadakan oleh Inggeris dan peraturan-peraturan yang disediakan atas nama demokrasi di Malaysia tidaklah sama dengan demokrasi di negara Inggeris itu sendiri.

Di Hyde Park, kota London, orang ramai siapa sahaja boleh berdiri di atas sebuah tong kosong dan berpidatu mengenai politik semau-

maunya tanpa permit dan tanpa halangan, kecuali kalau menyentuh King atau Queen mereka.

Di Malaysia baik di zaman penjajah Inggeris, maupun sesudah kita merdeka, tidak ada siapa yang boleh berpidato di padang Kelab Selangor atau di padang kawasan Tasik Perdana semau-maunya seperti di Hyde Park, London yang bebas hingga sekarang.

Demikian satu contoh untuk kita fikirkan bersama-sama dan supaya kita dapat mengerti bahawa demokrasi belumlah dilaksanakan dengan sebenarnya di negara kita. Kerana itu sehingga ke hari kita merdeka rakyat Malaysia belum juga lagi dapat merasai nikmat demokrasi seperti yang dikatakan orang bahawa kita adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

Kemerdekaan kita pada tanggal 31 Ogos 1957 diikuti dengan penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 adalah mewarisi segala sesuatu yang dulunya telah disusun dan diatur oleh British yang demokrasiya tidak pula sama dengan apa yang dikatakan demokrasi seperti yang diamal di United Kingdom.

Demokrasi yang ditinggal oleh penjajah itu, sebenarnya ialah satu demokrasi terbatas. Dengan demokrasi yang begitu terbatas itu Tunku Abdul Rahman telah meneruskannya atas dasar keperibadiannya seorang sekular yang liberal. Bagaimanapun tidaklah selama-lamanya begitu.

Oleh kerana sikap liberalnya, Tuanku pada

dasarnya tidak ingin merobah apa yang telah ada, bahkan nampaknya beliau lebih suka meneruskan sahaja warisan British itu sekalipun dalam keadaan demokrasi yang terbatas namanya.

Sepanjang zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman 1955-1969, sebelum peristiwa berdarah tanggal 13 Mei 1969, kebebasan yang terbatas itu masih dapat dipergunakan oleh rakyat dengan mengadakan rapat-rapat umum di mana-mana sahaja baik semasa pilihanraya maupun di luar masa pilihanraya.

Di parlimen dan di luar parlimen anggota-anggota dari partai pembangkang sering menegur segala sesuatu yang kelihatan bertentangan dengan hak-hak asasi manusia menurut pandangan demokrasi yang dijamal oleh orang-orang Barat seperti negara British dan Amerika Syarikat.

Tetapi segala desakan-desakan dan teguran-teguran yang dibuat oleh partai-partai pembangkang dengan mudah dipatahkan oleh Tun Dr. Ismail yang menjadi Menteri Dalam Negeri pada waktu itu.

Di mana sahaja beliau berucap, di Dewan Rakyat, di Dewan Negara atau di luar parlimen biasanya Dr. Ismail sering mengulang kata-kata hikmatnya: 'Saya tidak membenarkan siapa sahaja menggunakan demokrasi untuk menghancurkan demokrasi'.

Alangkah anehnya kita mendengar. Tetapi

itulah yang sebenarnya yang terjadi di negara kita yang baru merdeka dan baru mula mengecap kebebasan setelah beratus-ratus tahun diperintah secara diktator oleh bangsa-bangsa penjajah.

Sekarang kita telah kehilangan hak untuk mengadakan rapat xumum. Sekalipun di waktu kempen pilihanraya, kerana Dr. Mahathir berpendapat kita tidak perlukan rapat xumum dalam pilihanraya. Dengan adanya sikap sebegini, maka kita telah dinafikan hak untuk mengadakan rapat xumum dan demonterasi, pada hal di negara-negara di Eropah Barat, di Jepun dan di Amerika Syarikat rapat-rapat xumum dan demonterasi tidaklah dihalangi.

Akhir-akhir ini beberapa akta mengenai kebebasan yang selama ini dibenarkan sekalipun begitu terbatas telah dipinda lagi yang menyebabkan rakyat merasa tertekan, dan itulah menyebabkan keluar suara-suara yang mengatakan demokrasi telah mati di Malaysia.

BAB 8

AKHBAR DAN KEBEBASANNYA

Di dalam sebuah negara demokrasi, di antara kebebasannya ialah media massa seperti akhbar, radio dan televisyen sebagai alat untuk menyampaikan berita-berita dalam dan luar negeri di samping memberi peluang kepada rakyat menyatakan fikiran dan pendapat.

Demokrasi juga memberi kebebasan kepada penulis menghayun penanya asal jangan terpukul hidung orang lain. Tetapi apabila kawalan ketat yang dikenakan maka hilanglah kebebasan yang merupakan satu daripada hak seorang manusia yang diakui dalam masyarakat yang bertamaddun.

Sebaliknya diktator tidak gemar dengan kebebasan ini, maka mereka sangat memberi perhatian kepada segala yang mengenai berita dan pendapat sekalipun dengan begitu rakyat terus jadi bodoh dan kaku disebabkan kekurangan pengetahuan yang sepatutnya diketahui.

Di Malaysia akhir-akhir ini syarikat-syarikat akhbar harian yang telah dikuasai sahamnya oleh orang-orang pemerintah lalu mereka memainkan peranan yang begitu nyata tidak menguntungkan manusia dan negara Malaysia.

Saya tidak faham kenapa pemimpin-pemimpin Malaysia begitu gemar membiarkan bangsanya tinggal bodoh oleh ketinggalan berita-berita yang penting terutama perkembangan-perkembangan di luar negeri dan laporan-laporan sains.

Dalam hal ini pembaca akhbar berbahasa lain sungguhpun sama-sama terkawal, namun ada banyak berita yang dapat kita ikuti disiarkan di dalamnya berbanding dengan akhbar-akhbar harian berbahasa Malaysia.

Sesungguhnya apabila rakyat kekurangan pengetahuan disebabkan kekurangan saluran maklumat, itu adalah tanda bangsa itu akan bertambah mundur dan akan mulai kehilangan daya berfikir yang luas.

Kehilangan daya berfikir adalah suatu kerugian yang sangat besar dan boleh kita kata satu kemalangan bagi satu bangsa.

Hanya diktator sahajalah yang suka melihat manusia menjadi robot di dalam negaranya. Di dalam negara-negara komunis yang mengikut ajaran Karl Marx seperti yang ditafsir oleh Lenin, hal yang demikian memanglah menjadi dasar mereka sementara mereka terus menjerit-jerit sebagai pelaksana demokrasi rakyat.

yat kononnya.

Kita tidak mempunyai tafsiran yang lain dalam perkembangan mass media di Malaysia yang dikawal sekarang, selain daripada satu usaha ke arah kediktatoran melalui slogan demokrasi terpimpin, demokrasi rakyat atau demokrasi nasional yang berparlimen.

Anehnya dalam waktu di negara-negara komunis seperti Russia sedang mengorak langkah ke arah melonggarkan beberapa xamalan mereka yang ketat selama ini sebagai satu percubaan bagi mencari pendekatan di antara kapitalisme dengan komunisme, di Malaysia langkah-langkah memperketatkan pula yang sedang dilakukan.

Boleh jadi tidak banyak orang yang sedar beberapa kawalan penerbitan sedang dijalankan di Malaysia. Mungkin sebahagian orang melihat media massa di Malaysia seperti akhbar-akhbar harian berjalan lancar. Ini adalah kerana mereka tidak tahu apa yang sedang terjadi di antara pengarang dengan penyunting dan dengan pemberita-pemberita di jabatan pengarang akhbar-akhbar Harian terutama akhbar-akhbar yang secara langsung telah dikuasai oleh orang-orang dari parti Barisan Nasional (Baca UMNO).

Hal ini semakin bertambah kejadiannya, sesudah perbalahan orang-orang UMNO yang melahirkan team A dan team B, yang sekarang dikatakan UMNO lama dan UMNO baru yang

saling berhentaman satu sama lain.

Adapun sebelumnya, pengalaman saya selama 15 tahun (1959-1974) menjadi Ahli Dewan Negara sudah lebih dari cukup untuk saya mengerti betapa akhbar-akhbar menyembunyi dan memutarakan berita-berita untuk pengetahuan rakyat tentang perbahasan yang berlaku di dalam persidangan Dewan Negara.

BAB 9

DEMOKRASI CARA KOMUNIS

Tidak siapapun yang tidak mengetahui bahawa sistem komunis adalah sistem kuku besi yang ternyata diktator yang tidak ada tolok bandingnya sejak ia lahir menjadi satu kenyataan di dalam abad kedua puluh ini.

Sungguhpun begitu negara-negara komunis yang dulunya menggelar negara-negara mereka sebagai negara sosialis, sejak tahun lima puluhan telah mula menamakan negara-negara yang baru dilahirkan dengan nama-nama yang memakai perkataan demokrat.

Sejak itu pula cakap-cakap tentang demokrasi begitu rancak diperkatakan di mana-mana sahaja tanpa malu-malu betapa besarnya bohong yang dibuat-buat oleh mereka yang saya sering katakan yang satu ialah YAKJUJ dan yang satu lagi pula ialah MAKJUJ.

Negara-negara komunis seperti yang telah diketahui adalah sangat tegas dan berbangga dengan sosialisme untuk mencapai matlamat

komunisme. Sungguhpun begitu, kemudiannya seperti yang kita ketahui juga Russia telah menerima pragmatisme sebagai satu approach yang paling moden, maka tidak hairanlah bila negara-negara komunis telah ikut sama melaungkan demokrasi cara mereka sendiri, iaitu people democratic atau demokrasi raxyat.

Demokrasi ini yang dipelepuri di negara-negara Eropah Timur, bagaimanapun menerima cara-cara pelaksanaan yang berlaku di Russia sebagai model atau contoh yang paling baik untuk ditiru dan diikuti oleh negara-negara yang memuja Marxisme.

Di negara China, gagasan demokrasi raxyat ditafsir oleh Mao Tze Tung dengan menggunakan nama demokrasi baru. Sementara itu oleh perkembangan komunis di luar Russia telah bertambah jua, maka sekali pun pada mulanya komunis bermatlamat kepada kesatuan yang akan dipimpin oleh Russia, tetapi akhir-akhir ini terutama oleh bertambah gagahnya komunis Cina, lahir pula istilah baru di kalangan golongan komunis iaitu demokrasi nasional.

Jadi, di kalangan komunis sekarang kata-kata sosialis dan negara sosialis telah mula disembunyikan. Sebaliknya nama-nama demokrasi raxyat, demokrasi baru dan demokrasi nasional mula mengambil tempat, maka diperkenalkanlah Negara Demokrasi Nasional atau National Democratic State.

Inilah dia pragmatisme yang diterima oleh orang-orang komunis berdasar kepada ajaran John Dewey yang mahu mendekatkan dua fahaman di kalangan negara-negara blok kapitalis dengan blok komunis.

Sungguhpun pendekatan negara-negara komunis dengan negara-negara kapitalis sedang berlaku melalui pragmatisme, tetapi negara Cina nampaknya akan terus bersendirian sambil mencari penyokong-penyokongnya di planet Bumi ini.

Semua mereka akan tetap memakai baju demokrasi dan akan terus menjual demokrasi sebagai barang dagangan yang laris di dalam masyarakat bangsa-bangsa di planet Bumi ini.

Malangnya bagi demokrasi, definisinya yang asal telah dibuat definisi baru sejak tahun 1949 melalui UNESCO iaitu telah diubahsuai seperti yang telah kita bicarakan dalam bab tiga di dalam buku ini.

Bagaimanapun jua, menurut hemat saya semua kegiatan yang mulai berkembang di negara-negara komunis kulit putih adalah sedang menuju ke arah perpaduan di antara mereka yang berkulit putih iaitu di antara negara-negara pakatan NATO dengan negara-negara pakatan WARSAW.

Mereka sedang mendekati satu sama lain, di mana di antara Russia dan Amerika saling berusaha untuk dapat diterima sebagai ketuanya.

Hal ini mempunyai sebab-sebab tertentu sehingga mendorong mereka ke arah penyatuan

nanti.

Apa yang sedang terjadi dalam pergolakan di antara kuasa-kuasa besar yang sombong iaitu Amerika dan Russia yang kedua-duanya dikuasai dan dikendalikan oleh gerakan sulit Yahudi yang saya selalu mengatakan DAJJAL adalah mempunyai sebab-sebab yang tertentu sehingga mendorong mereka ke arah menyatukan diri.

Saya tinggalkan persoalan ini untuk dijawab pada masa yang lain, kerana ia melibatkan perkara-perkara yang mengenai antara bangsa dan antara planet. Sekiranya menerusi buku ini dibicarakannya sudah tentu merosakkan perkara yang sedang kita perkatakan mengenai mengenai demokrasi dan diktator terutamanya di Malaysia.

BAB 10

PERLUKAH DEMOKRASI DAN DIKTATOR ITU

Diktator, dalam apa-apa halpun, ia adalah sesuatu yang samasekali tidak baik, sekalipun kadang-kadang ada juga baiknya. Ia, jika dibandingkan dengan ajaran Islam boleh dipadankan dengan apa yang pernah dikatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. mengenai ahli nujum yang bermaksud: 'Bohong ahli nujum itu, sekalipun benar.'

Dalam sejarah manusia sesudah Nabi Nuh a.s., di mana planet Bumi dan sistem matahari kita telah diulang cipta atau telah diubahsuai oleh Allah, belum ada seorang lelaki yang telah berjaya dan dipuji serta dikenang orang seolah-olah dia seorang diktator yang telah membawa perubahan kepada manusia melalui bangsa Xarab dalam tempoh 23 tahun sahaja, sekalipun dia bukanlah seorang diktator dan tidak pernah melaungkan slogan demokrasi.

Orang itu ialah Muhammad Rasulullah, seorang lelaki yang hidup lebih empat belas abad yang lalu, dan inilah orangnya apabila dikaji-kaji oleh George Bernard Shaw lalu beliau pun menyatakan:

‘Saya yakin jika sekiranya seorang yang seperti Muhammad itu menjadi Diktator dunia moden, maka dia akan berjaya menyelesaikan masalah dunia ini dengan cara yang akan mendatangkan kedamaian dan kebahagiaan yang sangat-sangat dikehendaki.’

Sesungguhnya Muhammad itu adalah Rasulullah, makanya tidaklah dapat dicari seorang pun sepertinya. Muhammad bukan seorang raja dan bukan juga seorang diktator. Muhammad tidak pula pengasas sebarang ideologi untuk diimani atau diyakini oleh manusia. Tetapi, Muhammad adalah Rasul Allah yang membawa agama Islam iaitu satu agama atau satu ideologi daripada Allah, Tuhan seluruh alam semesta dan seluruh manusia.

Nabi Muhammad s.a.w. adalah orang yang maseh lagi difikir oleh orang-orang yang berfikir. Di antara pemikir-pemikir yang telah membuat keputusan setelah mengkaji sejarah 100 orang-orang besar di planet Bumi, ialah Michael M. Hart, yang mana dia telah meletak kedudukan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai orang yang pertama dalam senarai orang-orang yang dikajinya. Demikian seperti yang disiarkan di dalam majalah Daiges Malaysia keluaran

bulan Januari 1985.

Jika manusia mahu beriman dengan apa yang diimankan oleh Muhammad, dan mahu mengikut apa yang diikuti oleh Muhammad, maka kitab Allah yang ditinggal oleh Muhammad kepada manusia itulah sebaik-baik panduan untuk diikuti oleh manusia sekiranya mereka mahu mencapai kedamaian dan mencari kebahagiaan.

Sekali lagi saya ulangi bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bukanlah seorang diktator. Dia adalah seorang yang membawa rahmat kepada seluruh manusia dengan segala yang disampaikan olehnya, iaitu kitab Allah yang bernama Quran dan juga dengan segala contoh kepimpinannya.

Apa yang diteladankan oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan satu prinsip dari satu sistem hidup yang dinamakan agama Islam. Apabila orang-orang ada yang mengatakan sesuatu yang dinamakan agama itu tidak perlu lagi diketengahkan kerana sekarang ialah zaman ideologi, maka saya akan menyambung perbicaraan ini melalui sebuah buku yang akan menyusul dengan judul 'AGAMA ITU IDEOLOGI dan IDEOLOGI ITU AGAMA'.

Dari sejarah manusia, baik di Malaysia atau di mana sahaja, ternyata sama ada demokrasi berparlimen atau diktator berparlimen menurut sistem yang dilahirkan oleh cendekiawan-cendikiawan dari Barat dan Timur, apatah lagi

oleh diktator-diktator yang sekarang telah memakai baju demokrasi rakyat atau demokrasi terpimpin dan sebagainya, ternyata tidak dapat membawa kexadilan kepada manusia di planet Bumi ini.

Oleh kerana kexadilan kepada manusia tidak akan dapat dinixmati melalui sistem-sistem itu, seperti yang sudah terbukti, maka tidak ada sebab bagi kita yang mahukan kebenaran dan kexadilan patut mengalu-alukan demokrasi ataupun diktator itu.

Sesungguhnya segala yang dilakukan oleh golongan yang berpaling dari jalan Allah yang lurus adalah kemungkaran belaka. Mereka adalah melakukan kerosakan dan kacau-bilau di Bumi Allah ini, iaitu apa yang dikatakan 'YUFSIDU FIL ARDHI' yang samasekali tidak digemari oleh Allah, Tuhan kita dan Tuhan mereka jua.

BAB 11

PERANGAI MANUSIA BUMI

Sesungguhnya manusia ini di mana jua mereka berada, pada dasarnya mereka mencintai kebenaran, kexadilan dan mencari kebahagiaan. Tetapi mereka yang dikatakan manusia ini adalah sejenis makhluk yang tidak ada bezanya dengan makhluk 'Dabbah' yang lain, iaitu seperti dinyatakan oleh Allah menerusi Quran.

Sekiranya anda mahu memastikannya, bacalah buku yang berjudul 'Berkenalan Dengan Al-Quran' di mana di dalamnya saya bicarakan mengenai manusia dan yang lain-lain daripada manusia yang dinyatakan oleh Allah semuanya adalah ummat-ummat seperti manusia juga.

Sungguhpun Allah mengatakan bahawa telah dicipta manusia itu dalam keadaan sebaik-baik kejadian. Allah juga telah memberi tahu di samping itu ada pula beberapa sifat semula jadi pada diri manusia yang sekalipun pada mulanya lebih baik dari dabbah yang lain, namun ia boleh bertukar kepada sebaliknya, malah lebih buruk dari dabbah yang lain.

Ini adalah kerana ada ruang-ruang pada kejadian manusia yang dikatakan kelemahannya yang di antaranya seperti yang dijelas di dalam Quran:

' dan manusia itu diciptakan bersifat lemah,' Q-4:28.

' dan adalah manusia itu bersifat terburu-buru' Q-17:11.

'Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat gelisah (bernafsu mengumpul harta) tetapi bakhil (untuk berbelanja di jalan Allah)' Q-70:19.

' Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan tidak berterima kasih,' Q-14:34.

'Telah dicipta manusia dari airmani. Tiba-tiba ia menjadi pembantah (kepada petunjuk-petunjuk Allah) seterang-terangnya.' Q-16:4.

'Sesungguhnya manusia itu (sangat engkar, degil) tidak berterima kasih kepada Tuhannya.' Q-100:6.

Demikian di antara beberapa sifat semulajadi manusia, di mana dari ruang-ruang kelemahan manusia itulah Iblis yang belum bersara dan tenteranya syaitan mencelah masuk dan menggoda manusia keturunan Adam supaya tidak mengindahkan petunjuk-petunjuk Allah dan berpaling dari jalan yang lurus dengan berbagai daleh, seperti yang dijelaskan oleh Allah melalui Q-18:54 di mana saya bawakan maksudnya secara luas untuk difikirkan:

'Sesungguhnya, kami telah ulang-ulangkan di dalam Quran ini dengan berbagai-bagai mitsalan untuk perhatian manusia, akan tetapi manusia itu terlalu banyak membantah dengan berbagai-bagai daleh atau karinah dalam setiap perkara.' Q-18:54.

Jika manusia dapat memahami dirinya sendiri, maka segala kejahatan yang didorong oleh syaitan itu akan dapat dihindarkan, dan tidak akan ada manusia yang sanggup berlagak sombong dengan segala kezaliman terhadap sesama manusia, seolah-olah ia mahu berkata 'Akulah Tuhanmu yang Maha Tinggi,' iaitu seperti kata-kata yang pernah dikatakan oleh Firxaun Mesir-purba.

Politik negara kita adalah menurut apa yang dikatakan sekularisme, iaitu satu pegangan atau keimanan yang mengasingkan urusan politik daripada agama. Oleh kerana itulah perlembagaan negara Malaysia tidak terikat dengan prinsip dan ajaran agama Islam, sekalipun Islam dikatakan agama negara.

Perlembagaan negara Malaysia sedikit sebanyak memperlihatkan pengakuan terhadap apa yang dikatakan hak-hak asasi manusia menurut yang digaris oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Bagaimanapun, hanya sebentar selepas kita mengecap nixmatnya, partai pemerintah mulai mencabulnya dengan mengujudkan Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang mana dengan itu bermulalah

diktator di Malaysia yang dilakukan atas nama rakyat dan melalui parlimen.

Ini sama sekali tidak diizinkan di dalam ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Tindakan zalim menangkap manusia, mengurung manusia, memisahkan manusia dari keluarga mereka, atau membuang atau memencilkan manusia adalah sama sekali tidak bersifat xadil.

UMNO dan Barisan Nasional telah melakukan kezaliman ini, dan semua yang dilakukan itu, terutama kepada anggota-anggota parti Islam yang menyeru manusia ke jalan Allah yang lurus bukanlah untuk keselamatan negara, tetapi hanya untuk keselamatan parti mereka yang ingin terus mencengkam kuku kekuasaannya terhadap manusia yang semuanya adalah hamba Allah belaka.

Apabila percakapan sesama UMNO yang telah lama menampung nanah pecah berkecai di zaman Mahathir, perkara ini baru disedari oleh mereka. Sehingga Tunku Abdul Rahman dan orang-orang Team B telah sanggup mengatakan Malaysia negara polis, dan Mahathir mahu jadi diktator atau sudah jadi diktator.

Apabila golongan Team B yang menentang Mahathir menuduh Mahathir menjadi diktator. Mahathir diam sahaja. Tetapi penyokong-penyokong Mahathir tidak pernah diam, mereka menyerang kembali dengan mendedahkan pemerintahan-pemerintahan yang lalu sebelum

Mahathir juga adalah diktator.

Memang benar, pemerintahan Malaysia sejak Tunku menyambung pemerintahan diktator penjajah Inggeris, semuanya boleh dikatakan diktator belaka. Terutama bagi Muslimin yang ingin menumpahkan taat setia kepada Tuhan mereka dalam segala ruang kehidupan dan bernegara, terasa benar betapa Muslimin terus menerus tertindas sejak dulu hingga sekarang oleh golongan sekular.

Baru-baru ini Tunku Abdul Rahman menyatakan Malaysia di bawah Mahathir sekarang adalah negara polis. Bagaimanapun, pada masa konfrontasi di antara Malaysia dengan Philipina, Manila juga telah mengatakan Malaysia adalah sebuah negara polis. Oleh kerana itulah orang-orang membuat analisa mengenali demokrasi di Malaysia mengatakan demokrasi telah mati di Malaysia.

Apa lagi yang mahu kita katakan dalam perkara demokrasi telah mati dan Malaysia negara polis ? Kalau kita yang mengatakan Malaysia sebuah negara Polis, sudah tentu kita dimarahi oleh pihak pemerintah. Tetapi bilamana Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama sudah berkata, dan orang-orang luar pun sudah berkata di mana-mana jua, tentulah tidak perlu lagi kita mengulangi kata-kata itu.

Kata-kata dari kita selalu disangkal oleh orang-orang yang menolak perjuangan kita. Nahl

Sekarang orang UMNO yang telah pecah berkecai sedang mengatakan apa-apa yang kita katakan sejak dahulu. Jadi, nyatalah bahawa apa di-teriak-teriak oleh partai-partai pembangkang selama ini bukanlah sesuatu yang tidak benar.

Sepanjang sejarah manusia di planet Bumi, di mana termasuk juga negara kita Malaysia, kirah-kisah manusia yang memerintah manusia senantiasia berulang dengan kisah-kisah manusia melakukan berbagai-bagai kekejaman dan kezaliman sesama manusia. Berlakunya ini semua adalah gara-gara manusia lupa bahawa mereka adalah bersaudara kerana mereka semua adalah berasal dari satu diri.

Sesungguhnya Allah sangat benci kepada sikap menzalimi sesama manusia, sekalipun dalam perkara yang nampaknya kecil seperti menipu dalam timbangan dacing atau sukatan sudah dikatakan perbuatan 'fasad' atau membuat kerosakan di planet Bumi.

Saya bawakan di sini sepotong ayat Quran, iaitu kata-kata yang dikatakan oleh Allah tentang manusia yang membuat fasad atau kerosakan yang bermaksud:

'Dan di Madyan (kami utus) saudara mereka Syuxib. Ia berkata, wahai bangsaku, sembahlah Allah. Tidak ada Tuhan yang lain bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu satu keterangan daripada Tuhan kamu. Maka kerana itu cukupkanlah sukatan dan timbangan, dan janganlah kamu kurangkan

(sesuatu kepada) manusia akan sesuatu yang merupakan hak kepunyaan mereka. Dan janganlah kamu membuat kerusakan di Bumi sesudah diperbaikinya. Yang demikian itu adalah baik bagi .kamu sekiranya kamu orang-orang yang beriman.' Q-7:85.

Apa yang diterangkan oleh Allah di dalam Quran tentang orang-orang di zaman Nabi Syuxib beribu-ribu tahun dahulu adalah sesuatu yang mengenai urusan perdagangan, di mana penipuan di dalam sukatan dan timbangan adalah dimasuk kira sebagai perbuatan fasad atau kerusakan di Bumi. Kita dapat memahaminya bahawa perkara perdagangan adalah sesuatu yang termasuk persoalan ekonomi, dan persoalan ekonomi ada hubungannya dengan ketenteraman politik, yang mana jika di sana sudah berlaku fasad maka urusan ekonomi dan politik juga akan ikut menjadi fasad belaka.

Demikian satu contoh dalam perkara ekonomi yang bakal mendorong manusia kepada kezhaliman politik. Sesungguhnya ekoran daripada kefasadan ini, sudah tentu akan diikuti pula dengan pertumpahan darah manusia iaitu apa yang dikatakan oleh Allah YUFSIKUD DIMAK. Di zaman kita yang kononnya telah begitu maju, manusia memulakan semuanya dengan perebutan apa yang dikatakan wang (money), dan kuasa (power). Kedua-dua inilah punca yang membuat manusia menzhalimi dan dizhalimi sesama sendiri.

Inilah dia perangai manusia di planet Bumi ini, sejak sebelum Nabi Aadam diperintah turun ke planet Bumi ini pun sudah berlaku hal-hal yang sama. Maka oleh kerana itulah sewaktu Allah memberi tahu tentang dijadikan Aadam sebagai bakal khalifah di planet Bumi lantas dipersoalkan oleh mereka yang dikatakan malaikat, atau di lain tempat di dalam Quran dinyatakan sebagai Al Mala ul axla.

Saya kemukakan persoalan perangai manusia ini untuk difikirkan oleh kita semua adalah bagi kebaikan kita semua jua. Bagaimanapun terserahlah kepada manusia, siapa yang mahu menerima agama daripada Allah sebahagian atau seluruhnya.

BAB 12

JIKA TAQDIR SUDAH DITENTUKAN

Cara pemerintahan demokrasi liberal atau demokrasi baru, atau demokrasi kapitalis atau demokrasi komunis ataupun demokrasi pragmatis, semuanya adalah bukan menurut jalan Allah yang dikatakan 'Shirathal mustaqim' seperti yang kita ulang-ulangi membaca sebagai satu permohonan di dalam surah al-fatihah.

Sistem atau cara hidup yang dirancang oleh Yahudi atau orang-orang yang dikuasai oleh Yahudi melalui gerakan sulit mereka yang berteras kepada memakan riba adalah sumber segala kejahatan yang memporakperandakan manusia dan kemanusiaan. Semuanya adalah kemungkaran yang tidak berhenti-henti membawa kecelakaan kepada kehidupan manusia dan membawa malapetaka kepada manusia satu demi satu, dalam berbagai-bagai perkara yang sudah mulai ditakuti oleh manusia di mana-mana jua iaitu sesuatu yang diistilahkan sebagai 'pencemaran' yang asalnya dilakukan oleh

tangan manusia sendiri.

Inilah yang telah diingatkan oleh Allah iaitu sesuatu yang pasti terjadi, dengan menggunakan perkataan 'ZHAHARA' yang bermaksud 'telah lahir' sebagai ketegasan bahawa sesuatu yang tetap akan terjadi pada waktunya.

'Telah lahir kerosakan (fasad) di daratan dan di laut (malah di udara planet Bumi) dengan sebab usaha tangan-tangan manusia, untuk dirasakan (oleh Allah) kepada mereka sebagai sebahagian daripada apa yang mereka kerjakan, agar supaya mereka mahu kembali (ke jalan yang benar)' Q-30:41.

Keterangan Allah seperti yang dinyatakan maksudnya di atas adalah sebaik-baik peringatan yang merupakan berita-berita yang didahulukan oleh Allah untuk manusia memikirkannya. Jika anda mampu memahami cubalah anda baca ayat-ayat yang sebelum dan yang sesudah ayat Q-30:41 itu.

Perhatikanlah bahawa hasil rasa tamak manusia dalam ekonomi dan politik telah menimbulkan berbagai pencemaran yang mengancam kehidupan makhluk Allah di daratan, kehidupan di lautan dan juga di udara yang menyebabkan terjadi ancaman kepada atmosfera planet Bumi.

Ini adalah permulaan dari balasan Allah melalui kerosakan atau fasad yang semuanya bermula daripada usaha tangan manusia sendiri. Allah mengkehendaki supaya manusia insaf dan sedar dan sebaik-baiknya kembali ke pang-

kal jalan. Demikian yang ternyata dari ayat 30:41 dan ayat-ayat yang berikutan dengannya.

Apabila saya menulis, maka penulisan saya juga adalah sebagai peringatan sesama manusia, sekiranya manusia mahu memikirkannya dan mahu kembali ke pangkal jalan.

Sekiranya mereka tidak mahu mendengar dan tidak mahu berfikir juga dengan peringatan-peringatan yang kita cuba mengingatkan, maka apalah daya kita lagi kerana mereka itu ternyata telah bersikap seperti yang diceritakan oleh Allah di dalam Quran:

‘Dan apabila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu berbuat fasad atau kerosakan di (planet) Bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya apa yang kami perbuat (melalui segala macam dan cara di bidang politik dan ekonomi) adalah untuk mengishlahkan (memperbaiki supaya menjadi bertambah baik) Q—2:11

Sebagai jawapan kepada kata-kata sombong mereka itu, Allah mendedahkan apa yang sebenarnya untuk perhatian orang-orang yang beriman:

‘Ketahuilah, bahawa sesungguhnya mereka itu ialah orang-orang yang berbuat kerosakan, akan tetapi mereka tidak menyedarinya.’ Q—2:12

Demikianlah peringatan dan penjelasan Allah untuk diperhatikan oleh orang-orang yang mahu beriman dengan Allah, dengan malaikat, dengan Rasul, dengan kitab Allah dengan saxah, dengan

qiamat, dengan akhirat, dengan neraka dan dengan syurga.

Sesungguhnya kerasulan Muhammad seperti yang dijanjikan adalah sesuatu yang benar, dan ia adalah rasul yang terakhir untuk seluruh manusia seperti yang telah dinyatakan oleh Allah: 'Dan tidaklah Kami utus kamu (Muhammad) melainkan kepada seluruh manusia, sebagai penyampai khabar gembira dan penyampai berita ancaman. Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.' Q-34:28.

Muhammad Rasulullah adalah Nabi yang terakhir untuk manusia Bumi dari keturunan Adam yang merupakan saki baki bangsa-bangsa manusia yang selamat dari kebinasaan di zaman nabi Nuh. Dan oleh kerana tidak ada lagi nabi-nabi, maka kedatangan 'SAXAH' atau kehancuran ulangan yang bakal menyebabkan kebinasaan besar dan berubah lagi peta Bumi inipun bertambah hampir jumlah masanya.

Lebih dari empat belas abad yang lalu, Allah telah memberi keterangan dalam bentuk satu pertanyaan: 'Apakah mereka (Manusia Bumi) tidak memperhatikan kerajaan-kerajaan (di) Langit-langit (planet-planet di atas) dan di Bumi dan segala sesuatu yang dicipta oleh Allah. Boleh jadi telah hampir ajal mereka (suatu masa) yang dijanjikan itu. Maka berita manakah sesudah (berita atau maklumat menerusi Quran sebagai kitab Allah yang terakhir) itu yang mereka (Manusia Bumi) mahu percaya?

Q-7:185.

Sungguhpun Quran telah diturunkan dengan khabar muxtamad tentang akan berlakunya SAXAH, namun manusia sekarang, seperti jua manusia di zaman turunnya ayat yang merupakan peringatan itu, tetap sahaja dalam kecuaiian dan tidak percaya, malah ada yang bertanya 'Bilakah (tibanya) janji yang berupa ancaman mengenai telah hampir ajal manusia keturunan Aadam yang bakal mengulangi apa yang telah diterima oleh orang-orang yang terdahulu (Al-Awwalin) iaitu orang-orang di zaman nabi Nuh yang bermula dari nabi Aadam.

Untuk mereka yang lalai dan tidak mahu percaya, maka disuruh khabarkan kepada mereka dengan satu perintah yang jelas: 'Katakanlah (kepada manusia, sesungguhnya ada) bagi kamu hari atau waktu yang dijanjikan. Tidak akan diundurkan darinya sekalipun sedetik dan tidak pula dipercepatkan.' Q-34:30.

Apabila Allah melakukan sesuatu, semuanya sudah tentu berlaku menurut rencana. Apabila yang akan berlaku itu telah hampir, maka yang akan menyusul, ialah Bumi ini akan diwarisi oleh hamba-hamba Allah yang sholeh. Anda sepatutnya meneliti apa-apa yang telah saya tulis menerusi buku-buku 'MENJELANG ISA TURUN KE BUMI' dan kedatangan hamba-hamba Allah yang saya perkatkan di dalam buku A016 sebagai 'PELAWAT DARI ANG-KASA'. Iaitu manusia dari planet lain, di mana

buku ini adalah lanjutan dari buku 'Pintu Langit Mula dibuka'.

Saya, yang tidak lebih daripada seorang faqir di Bumi ini, sekadar mengingat dan menasihati sahaja, sekiranya ada orang-orang yang mahu menjadikannya bahan untuk pemikiran.

Tidak ada sebuah buku yang saya tulis untuk bacaan anda, sekadar untuk ditulis begitu sahaja. Saya lakukan semuanya sebagai kewajipan dari seorang manusia kepada manusia, tanpa mengira bangsa dan keturunannya. Saya menulis berdasar apa yang saya fikir dan meneliti sesuatu yang tersurat dan yang tersirat dari segala maklumat yang ada.

Segala yang saya tulis, sama ada diterima untuk difikir atau tidak difikir oleh anda, saya serahkannya kepada Allah sebagai satu usaha dalam perkara ingat mengingatkan sesama manusia. Semoga usaha ini diterima oleh Allah sebagai satu tanda pengabdian dan kebaktian daripada seorang hambaNya.

Sesungguhnya Allah adalah pemilik dan penguasa seluruh makhlukNya, dan saya adalah hambaNya yang akan kembali menemuiNya bila tiba masa yang ditentukan olehNya.

Wahai Allah! Penguasa Langit-langit dan Bumi. Sudahku ingatkan mereka apa yang patut diingatkan. Ampunilah hambaMu, jika aku tidak berdaya berbuat melebihi daripada apa yang ku buat ini. Sesungguhnya Engkau mendengar dan

melihat, dan Engkau adalah pengampun dan pengasihani.

Jika taqdirMu akan berlaku, maka Engkaulah wahai Tuhanku yang mengetahui segala yang telah terjadi dan segala yang belum terjadi. Sesungguhnya hambaMu ini tidak mengetahui. Boleh jadi sesuatu yang kami benci akan diikuti dengan taqdirMu yang lebih baik untuk kami selepas sesuatu itu terjadi. KepadaMu, wahai Tuhan kami, tempat kami menyerah diri. Semoga kami diberi kekuatan hati untuk shabar sepanjang masa peralihan ini.'

MADAH PENUTUP

Segala pujian tertentu hanya kepada Allah, iaitu Tuhan, pencipta, pemilik dan penguasa seluruh xalam semesta, yang telah mencipta makhlukNya yang berupa xalam semesta, Malaikat, Jin dan segala macam Dabbah, iaitu seperti makhluk yang merayap-rayap di planet Bumi, baik yang menyusur dengan perut mereka, atau yang berjalan dengan empat kaki, atau yang berjalan dengan dua kaki, termasuk jualah burung-burung yang berterbangan di udara, semuanya adalah dabbah iaitu makhluk yang berjalan lambat.

Ini termasuklah kita sebagai manusia yang ditebar atau ditabur atau ditempatkan di planet-planet yang dikehendaki oleh Allah, pencipta semua makhluk. Di dalam Quran, kitab yang merupakan wahyu yang terakhir kepada manusia di planet Bumi ini yang disampaikan melalui Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Utusan Allah yang paling akhir dari kalangan keturunan Aadam dijelaskan oleh Allah yang bermaksud: 'Dan di antara tanda-tandaNya (Allah), ialah

penciptaan Langit-langit dan Bumi (iaitu keluarga matahari atau dunia kita) dan segala apa yang Dia tebarkan pada kedua-duanya (Langit-langit dan Bumi, iaitu planet-planet di dalam keluarga matahari kita) daripada segala macam DABBATIN, (iaitu makhluk yang berjalan lambat) dan Dia (Allah) berkuasa mengumpul atau mempertemukan mereka (manusia di planet Bumi dan di Langit-langit, iaitu planet-planet lain dalam keluarga matahari kita) bila Dia kehendaki.' Q—42:29.

Keterangan Allah pada ayat di atas adalah menunjukkan bahawa makhluk yang berjalan lambat yang secara xumumnya disebut DABBATIN atau DABBAH bukan sahaja terdapat di planet Bumi ini, malah terdapat jua di planet-planet lain yang disebut dengan istilah Langit-langit. Sementara itu, ayat ini memberi khabar tentang akan berlaku hubungan manusia Bumi dengan manusia di Langit-langit, iaitu planet-planet di atas bila tiba waktu yang ditentukan oleh Allah.

Tanpa sebarang keraguan, bahawa hubungan antara planet, iaitu hubungan di antara manusia di planet-planet dalam keluarga matahari kita atau dunia kita akan berlaku, di mana di dalam abad ini telah pun nyata kelihatan, baik oleh percubaan manusia di planet Bumi meneroka angkasa luar dari atmosfera atau langit Bumi kita, maupun oleh kedatangan manusia dari planet lain yang oleh manusia Bumi dikatakan 'Benda-benda Terbang Yang Tidak Dikenali'.

Apa yang dinyatakan di dalam Quran lebih 14 abad yang lalu adalah satu berita yang datang daripada Allah, iaitu Tuhan bagi kita semua. Sesungguhnya Tuhan bagi seluruh manusia itu adalah satu sahaja. Menurut logiknya, andaikata Tuhan itu ada banyak, atau hanya dua sahajapun sudah tentulah tetap berlaku pertarungan di antara tuhan-tuhan itu.

Sebagai satu perbandingan cuba kita menoleh kebelakang dan melihat betapa pada masa dahulu oleh adanya dua kerajaan besar iaitu Rom dan Parsia, mereka saling berperang dan berbunuh-bunuhan. Begitu juga sekarang ini di planet Bumi ada dua kerajaan iaitu Amerika dan Russia yang masing-masing merasa mereka-lah Superpower atau kuasa maha besar, yang gagah perkasa, lalu mereka saling bertarung kerana mahu manusia yang lain tunduk di bawah pengaruh kekuasaan mereka. Sesungguhnya inilah dia yang dikatakan penjajahan bentuk baru.

Apabila kita memperkatakan tentang Tuhan, sesungguhnya kewujudan Tuhan Penguasa seluruh xalam semesta ini adalah sesuatu yang benar yang tidak perlu diragu-ragukan lagi akan kebenaran wujudNya Tuhan itu yang di dalam bahawa Xarab diperkenalkan namaNya iaitu Allah.

Adapun Allah, pencipta dan penguasa yang

agong itu tidaklah diketahui oleh sesiapaapun jua, melainkan apabila Dia mencipta segala jenis makhlukNya, yang mana di antaranya ialah JIN dan MANUSIA, lalu diberitahu olehNya melalui nabi-nabi di kalangan mereka itu, bahawa Dia ada, dan Dia telah mencipta makhlukNya supaya diketahui oleh semua bahawa Dia itu ada.

Saya tidak pernah merasa jemu untuk mengingatkan manusia tentang Tuhan mereka, agar mereka tidak melupakan bahawa di atas segala kekuasaan, kekuasaan Allah adalah yang tertinggi sekali.

Untuk itu sebagai penutup buku kecil ini saya merasa ada baiknya jika dibawa beberapa ayat dari surah al-MULK atau KERAJAAN, semoga terhiburlah hati golongan MUSTADH-XAFIN atau orang-orang yang lemah dan tertindas, dan semoga diambil perhatian oleh golongan MUSTAKBIRIN atau orang-orang yang sombong yang merasa akulah orang yang boleh berbuat apa saja.

'Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka 'bilghaibi' (lalu thaxat kepadaNya sekalipun bersendirian tidak dilihat oleh manusia) adalah bagi mereka itu keampunan dan ganjaran yang besar.' Q-67:12.

Demikian sepotong ayat dari Quran yang bersifat menghiburkan orang-orang dari golongan yang lemah. Adapun bagi mereka golongan yang sombong pula di bawah ini saya bawa dua ayat

bermaksud:

'Adakah kamu (MAN FIL ARDHI atau MANUSIA DI BUMI) merasa selamat daripada MAN FISSAMAK (atau MANUSIA DI LANGIT) yang akan membuat kamu ditenggelam oleh Bumi, apabila tiba-tiba ia menggeggar.' Q-67:16.

'Atau apakah kamu (MAN DI BUMI) merasa akan selamat daripada MAN DI LANGIT yang akan mengirim HASHIBA (atau sesuatu bagaikan batu sama ada dari pecahan astroids atau tenaga lain yang lebih hebat dari nuklear). Maka akan tahulah kamu betapa (xakibat kamu mendusta dan mempersenda-sendakan) ancamanKu!' Q-67:17

Demikian maksud dua ayat dari surah AL-MULK atau KERAJAAN, yang memberi maklumat atau berita tentang tindakan Allah, RAJA BESAR YANG MEMILIKI KERAJAAN-KERAJAAN DI LANGIT-LANGIT DAN DI BUMI melalui MAN DI LANGIT.

Untuk orang-orang yang mahu memikirkan maklumat ini, sukacita saya nyatakan sungguhpun ada orang-orang mentafsirkan ayat-ayat ini dengan mengatakan MAN itu dimaksud kepada ALLAH, tetapi menurut pendapat saya MAN FISSAMAK itu adalah manusia di langit, justeru kerana kebiasaan Tuhan kita jika mahu menunjukkan kepadaNya, tidak pernah digunakan 'MAN'. Adapun 'MAN' yang bermakna siapa atau sesiapa tidak sesuai ditujukan kepada

malaikat melainkan kepada DABBAH, di mana **manusia** adalah termasuk sebahagian daripadanya.

Demikian penjelasan saya secara ringkas buat sementara, kerana hal-hal seperti ini saya akan perkatakan nanti pada waktu yang sesuai untuk diperkatakannya.

Jika anda termasuk orang-orang yang masih beriman kepada Tuhan, ketahuilah bahawa Allah adalah Tuhan kita, maka keimanan kepada Allah itu tidaklah bermakna sekadar mengulangi kata-kata 'percaya kepada Tuhan' tanpa menthaxati segala perintah-perintah dan larangan-larangan dan juga peringatan-peringatan Tuhan kita yang tertulis di dalam Quran. Saya sungguh-sungguh mengharapkan anda memikirkannya, dan untuk inilah mengapa buku ini ditulis.

Madah penutup buku kecil ini sengaja saya bawa beberapa ayat dari Quran tanpa analisa yang panjang lebar tentang hubungannya dengan pergolakan politik manusia di planet Bumi ini. Saya kemukakannya sekadar menarik perhatian sesiapa yang mahu berfikir, justeru kerana apa jua yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam Quran bukanlah suatu perkara sekadar untuk main-main sahaja.

Anda, jika anda beriman sungguh-sungguh dengan Allah, dan beriman sungguh-sungguh pula dengan akhirat, bersabarlah, dan berdoxalah seperti doxa yang telah saya doxakan untuk kita semua. Ketahuilah! Betapapun sombong

manusia yang mengikut jejak mereka yang dikatakan golongan MAGHDHUB dan mereka yang dikatakan golongan ADDHALLIIN itu, bahawa Allah adalah pemilik seluruh kerajaan di langit-langit dan di Bumi.

Oleh itu sementara giliran kita tiba, bershabarlah dan berjihadlah dengan bijaksana sehingga Allah menentukan QADHAK dan QADARNYA.

BUKU-BUKU ABAD
KARYA AMALUDDIN DARUS – KAYA DENGAN
IDEA
DI TULIS BERPANDUKAN QURAN DAN HADITS

A001	Manusia Di Langit dan Manusia Di Bumi (Kehabisan)	
A002	Pintu Langit Mula Dibuka (Cetakan Kedua)	\$5.40
A003	Yakjuj dan Makjuj Bertarung Di Malaysia	\$3.00
A004	Lintasan Politik Malaysia (Cetakan Kedua) (Cetakan Kedua)	\$5.50
A005	Satu Cabaran	\$4.00
A006	Mahu Ke Mana Kita (Edisi Baru)	\$6.80
A007	Kembali Ke Masjid (Kehabisan)	
A008	Di Balik Tabir	\$3.00
A009	Menjelang Isa Turun Ke Bumi	\$3.80
A010	Adakah Iman Mahdi Telah Muncul	\$2.00
A011	Israa dan Mikraj dan Percobaan Manusia Ke Langit	\$3.80
A012	Alim Tetapi Jahil	\$4.40
A013	Impian Yahudi Menjelang Ajalnya	\$3.80
A014	Wasiat Zulkiflee Muhammad	\$2.00
A015	Keruntuhan Arab Dan Kebangkitan Islam	\$5.00
A016	Pelawat Dari Angkasa	\$4.00
A017	Al-Quran Dan Manusia Di Bumi	\$8.00
A018	Islam Agama Manusia Sejagat	\$5.00
A019	Kassim Murtad Atau Muallaf?	\$5.00
A020	Berkenalan Dengan al-Quran	\$5.00
A021	Serbasalah Melayu Di Malaysia	\$9.00

DI MANA BUKU-BUKU ABAD BOLEH DIBELI ?

- * Buku-buku ini boleh didapati dari:
- * Kedai-kedai buku yang berdaftar sebagai wakil jualan Syarikat Abad, atau
- * Orang-orang perseorangan yang berdaftar sebagai wakil jualan terus Syarikat Abad, atau
- * Jika tidak ada di tempat anda, pesan terus kepada Syarikat Abad.
- * Belanja kiriman tanggungan kami. Jika anda mahu dikirim secara pos berdaftar, sila tambah \$1.00 lagi setiap kali membuat pesanan. (Lebih selamat dan lebih segera bagi kiriman ke Malaysia Timur).
- * Pesanan hendaklah disertakan dengan harganya. Gunakan wang Pos Malaysia atau Kiriman Wang (M.O.) atas nama Syarikat Abad. Bayaran dengan cek hendaklah ditambah dalai bank.

Pengurus Syarikat Abad
28, Jalan SS 14/1B, Subang Jaya,
47500 Petaling Jaya.

-7 JAN 1989